

# SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM DI TANAH MELAYU ABAD KE 19 DAN 20 MESEHI: SUATU PENELITIAN TERHADAP SUMBANGAN ULAMA.

**Shukri Ahmad**  
**Mohamad Khadafi Haji Rofie**  
Pusat pengajian Umum  
Kolej sastera dan Sains  
Universiti Utara Malaysia  
[Shuk494@uum.edu.my](mailto:Shuk494@uum.edu.my)

## Abstrak

Islam adalah agama kemajuan, berkembang ke serata pelosok dunia sehingga menguasai pemikiran dan tingkah laku manusia dari awal kemunculannya hingga kini. Perkembangan Islam di serata dunia disebabkan kandungannya yang bersifat sejagat, fitrah, wasatiyyah dan murni. Demikian, Islam bertapak di Alam Melayu dengan karaktornya yang tersendiri, membawa corak dan watak sunni, berkembang dengan meyakinkan sehingga mengukuh ajarannya untuk diterima sebahagian besar daerah Nusantara termasuk di Tanah Melayu. Perkembangan Islam pada abad ke 19 dan 20 M di Tanah Melayu telah berada pada tahap kemuncak kecemerlangan dengan karektornya yang sangat istimewa. Para ulama merupakan aktor penting yang berjaya mencemerlangkan Islam di dengan segala keunikannya yang tersendiri. Kertas kerja ini bertujuan mengupas sejarah perkembangan Islam dari pelbagai sudut, antaranya ialah sudut perkembangan pendidikan, ekonomi dan sosial. Setelah itu, suatu penelitian mengenai sumbangan ulama Tanah Melayu dikemukakan dengan mengenegahkan ciri-ciri istimewa para ulama Melayu ini. Kertas ini, akan menelusuri sumbangan ulama dari sudut aliran pemikiran, pendekatan penyampaian dan keutuhan keperibadian masing-masing. Tumpuan akan diberikan kepada beberapa negeri di Utara Semenanjung Malaysia.

Keyword: Islam, Ulama, Pembangunan Islam, Tanah Melayu, Sejarah Islam.

## 1. Pendahuluan

Ulama adalah golongan penting yang meneruskan tradisi agama dengan keilmuan dan kebijaksanaan agar menepati hasrat dan inspirasi rasul dan kewahyuan. Mereka adalah pemimpin, pembimbing umat, pencetus semangat dan spiritual serta menjadi ikutan sezaman. Pada Islam, mereka adalah pewaris para nabi dan menjadi citra umat sezaman. Jika baik dan dimanfaatkan, maka baiklah umat, jika buruk dan tidak dimanfaatkan, maka buruklah kelakuan dan martabat umat. Khazanah agama disimpan dan dikesinambungkan oleh mereka melalui kaedah yang wibawa dan berantaniah. Mereka dipuji Allah dan diseru agar menjadi penasihat umat. Pada mereka terletaknya maqam ketakutan terhadap Tuhan, meskipun tahap keulamaan mereka juga berbeza-beza. Sejak awal pengiktirafan mereka sebagai pewaris nabi, golongan ini bertebaran keserata pelosok dunia dengan satu hasrat iaitu menyampaikan risalah agama untuk difahami manusia agar rahmat Tuhan diperoleh didunia dan diakhirat.

Alam Melayu merupakan antara kawasan yang sangat bertuah kerana dipilih Allah untuk menerima kedatangan ulama untuk mengislamkan umat Melayu. Menerusi usaha mereka rahmat Allah yang paling besar iaitu nur Islam telah dengan penuh kelembutan meresapi daerah alam Nusantara ini. Ternyata, Allah memilih kawasan Nusantara ini dengan penuh hikmah, meskipun daerah-daerah dunia lain terbuka menerima agama mulia ini. Jepun, Korea dan China merupakan daerah Timur Jauh yang selayaknya juga mendapat cahaya agama ini, namun daerah-daerah ini masih jauh dibayangi cahaya iman. Tegasnya, kedatangan Islam ke alam Nusantara adalah suatu rahmat Allah yang paling berharga dan tidak mungkin digantikan dengan segala nikmat lain didunia inidandm ianya berlaku menerusi usaha para ulama.

Dapat ditegaskan kedatangan Islam di Alam Nusantara ini tidak mungkin boleh dipisahkan dengan peranan dua institusi utama Islam ini iaitu institusi ulama dan institusi pendidikan tradisional. Ulama adalah da'i dan institusi adalah tempat mereka untuk menyebarkan ilmu. Kedua-duanya berfungsi dengan begitu berkesan sekali, mengubah lanskap akidah alam Nusantara daripada berkepercayaan Sinkritisme Hindu-Buddha kepada kepercayaan terhadap agama Islam yang mulia. Sememangnya alam Melayu telahpun mempunyai pelbagai kerajaan besar. Kerajaan-kerajaan ini bertukar, turun naik tempat pemerintahan dari zaman Funan, Langkasuka, Majapahit dan kerajaan-kerajaan wilayah seperti Kediri, Singosari dan Kutai Kartanegara. Kesemua kerajaan besar ini berubah apabila ulama mendekati dan menyebarkan Islam, akhirnya semua daerah nusantara menerima Islam dengan harmoni sekali.

Kedatangan ulama dengan usaha gigih mereka berdakwah dan menyebarkan akidah murni telah berjaya mengubah pegangan kepercayaan masyarakat Nusantara ini. Dengan izin Allah, pulau Sumatera telah sanggup menerima Islam secara harmonis apabila pemimpin wilayah-wilayah ini menerima ajaran ini. Kepulauan Sumatera juga menyaksikan kemunculan kerajaan-kerajaan Islam, antaranya ialah Aceh (Perlak), Siak, kampar dan Inderagiri (Shukri, 2011, 2). Demikian juga di kepulauan Jawa, muncul kerajaan Mataram dan kesultanan Demak yang menjadikan Islam sebagai agama negara mereka. Demikian juga terjadi kepada Tanah Melayu yang menyaksikan kesultanan Melayu Melaka, kesultanan Kedah, Patani, Kelantan, Terangganu dan lain-lainnya menjadi pelopor terhadap perkembangan Islam dan menjiwai kemurnian Islam di daerah sekitarnya. Ternyata,

kebijaksanaan ulama tradisional dalam usaha memartabatkan Islam adalah sangat bermakna dengan pondok merupakan medium atau wahana yang ampuh dalam membawa nur Islam ini ke serata isi pelosok daerah masyarakat Islam di alam Melayu.

## **2. Sejarah Perkembangan Islam dan peranan Ulama di Alam Melayu**

Islam muncul di Alam Melayu melalui cara dakwah para ulama sufi. Kedatangan Islam di Alam Melayu khususnya di Kedah dikatakan berlakudiawal kegemilangan kerajaan Islam di Baghdad iaitu sekitar tahun 1136 Masehi apabila Kedah diislamkan oleh Syeikh Safiuddin. Era ini dinamakan sebagai era para wali. Amalan keagamaan dalam kalangan masyarakat bergantung kepada ketokohan ahli sufi atau ahli tarekat (Sharifah Zaleha, 1985: 38). Apabila Sumatera Utara menerima Islam, berlaku perubahan besar dalam bentuk kepercayaan kalangan masyarakat Melayu Nusantara. Penaklukan Aceh ke atas Kedah telah membawa usaha mengembalikan Kedah kepada Islam yang sebelumnya pernah diislamkan oleh Syeikh Safiuddin namun masyarakatnya masih banyak mengamalkan amalan Hindu (al-Attas, 1986: 11). Usaha tokoh ulama yang bernama Syeikh Nuruddin al-Raniri yang menghantar kitab mengenai asas-asas agama; peraturan dan undang-undang peribadatan dan undang-undang nikah kahwin dalam kita Sirat al-Mustaqim dan bab al-Nikah pada tahun 1640an menyebabkan Islam kembali mengharum di Kedah.

Abad ke 17M hingga abad ke 19 M merupakan era ulama Alam Melayu membangunkan Islam melalui sistem pendidikan. Sistem pondok merupakan sebuah sistem pendidikan Islam yang diadaptasi dari sistem pendidikan Timur Tengah diwujudkan sebagai medium pengajian Islam. Ia adalah satu-satunya sistem utama untuk mengembangkan Islam, mengukuhkan kefahaman dan kemudian berkembang dengan pesatnya pada abad ke 18 dan 19 masehi. Pattani yang merupakan sebuah wilayah selatan Thailand, mendominasi perkembangan dan pertumbuhan pendidikan pondok di utara Tanah Melayu. Tokoh-tokoh ulama Pattani yang berada di dalam negeri ini dan bermastautin di Makkah menemukan masyarakat Melayu dengan erti keilmuan Islam dengan sistem yang berorientasikan umumi ini. Syeikh Daud Abdullah al-Fatani ( 1769-1847), Syeikh Nir al-fatani (1829-1908), Syeikh Zainul Abidin al-Fatani (1820-1913), Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908) menjadi pelopor terhadap penulisan karya agama dan pengajian pondok. Sejak itu, pondok berkembang dan melimpah sehingga ke Kedah, Kelantan, Terangganu dan negeri-negeri yang lain. Kedah misalnya memiliki puluhan ulama dengan intitusi pondok masing-masing. Wan Muhammad Idris bin Jamal atau Syeikh Jarum, Derga (1849-1911), Hussain bin Muhammad Nasir atau tuan Hussein Kedah (1863-1936) merupakan antara ulama-ulama masyhur Kedah mewakili ulama seluruh Tanah Melayu. Berpuluh-puluh pondok muncul di serata pelosok negara hasil jaringan ulama pondok dengan Pattani dan kemudahan mengerjakan haji dan pengajian di Makkah hasil dari kemudahan pengangkutan laut ketika itu.

Menjelang abad ke 20 Masehi, para ulama alam Melayu berjaya mengubah langskap alam ini untuk menghayati Islam secara syumul. Sekitar 1930an, dan 1940an, kebanyakan pondok yang masyhur mempunyai bilangan pelajar melebihi 800 orang (Nagata, 1984). Keadaan ini walau bagaimanapun mula berubah apabila sistem madrasah yang bersifat nizami diperkenalkan. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, sedikit demi sedikit tumpuan pengajian Melayu beralih kepada sistem persekolahan kebangsaan. Apabila wujud Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960), sistem pendidikan kebangsaan diperkenalkan dan mula diebri penilaian ekonomi yang tinggi (Mohammad Ali, 1981: 26) Namun, dengan pelaksanaan polisi pendidikan secara tersusun dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), Rancangan Malaysia kedua (1971-1975) dan seterusnya Rancangan Malaysia ketiga (1976-1980), tumpuan pendidikan masyarakat mula beralih kepada

sekolah-sekolah bantuan kerajaan aliran Melayu dan Inggeris. Akibatnya, pondok dan madrasah bukan lagi menjadi pilihan utama malah bertukar menjadi tempat pengantaran pelajar-pelajar yang gagal meneruskan pengajian ke sekolah-sekolah kerajaan (Nagata, 1984).

Pada tahun 1957, masih terdapat tidak kurang daripada 150 buah pondok di Tanah Melayu, dan 60 buah daripadanya terdapat di Kedah. Menjelang tahun 1969, terdapat hanya 60 buah pondok sahaja yang masih beroperasi di seluruh Malaysia (Shukri, 2011). Abdullah Ishak melaporkan hanya ada 30 buah pondok di Kedah dengan bilangan tuan guru seramai 30 orang, 78 buah sekolah nizami dengan bilangan guru seramai 336 orang dengan bilangan pelajar seramai 11, 700 orang sekitar pertengahan abad ke 20 Masehi (Abdullah, 1995). Demikian kesan perubahan yang berlaku terhadap negara, menyebabkan tumpuan pendidikan dalam kalangan masyarakat Islam lebih terarah kepada pencapaian kecemerlangan akademik, perolehan pendapatan dan desakan ekonomi global. Hal ini mengakibatkan pengajian pondok menjadi tidak berdaya saing, terkebelakang dari sudut infrastruktur dan kemudahan-kemudahan pembelajaran serta tersisih dalam banyak aspek kehidupan. Namun demikian, institusi ini kini tetap utuh beroperasi ditengah-tengah keriuhan teknologi dan ledakan dunia keilmuan baru. Semangat keagamaan yang bertunjangan keikhlasan dan mencapai redha Allah inilah yang menjadikan pondok tetap mampu berdiri utuh dengan dokongan baru masyarakat Islam sekarang.

### **3. Ulama dan Institusi Pendidikan Pondok**

Pada abad ke 19 dan 20 Masehi ulama Melayu secara lebih serious memulakan usaha mengubah lanskap masyarakat Melayu melalui sistem pendidikan umum. Pondok yang diusahakan ini menggunakan sistem pendidikan bersifat zawiyah yang tidak mengutamakan sistem peperiksaan. Zawiyah merujuk kepada suatu sudut yang dijadikan halaqah atau tempat perkumpulan para sufi untuk bertukar fikiran, berdiskusi, berzikir dan bermalam (Mujiburrahman, 2010). Sistem ini bukan telahpun digunakan secara meluas di Aceh dengan ditukar kepada nama Dayah atau Deyah (M. Hasbi Aminuddin, 1994: 41).

Sistem pondok dikatakan mula-mula sekali diperkenalkan kepada alam Melayu daripada Gujarat, Yaman dan Mesir. Ulama awal yang datang ke alam Melayu dan antara ulama awal yang memperkenalkan sistem pondok ialah Abdul Rauf Singkili (1024 H/1615 M - 1105 H/1693 M) yang memperkenalkan zawiyah atau pondok di Aceh seperti mana yang wujud di Timur Tengah. Karel A. Steenbrink (1994:106) menyimpulkan sistem pondok atau dayah berasal dari India yang digunakan untuk pendidikan sejak penyebaran agama hindu lagi dan kemudian diubah suai untuk digunapakai dalam sistem pendidikan Islam. Apapun, sistem pondok adalah suatu sistem unik yang dibangunkan berteraskan acuan pendidikan Islam Timur Tengah sesuai dengan fungsi ulama yang menyebarkan Islam bersama-sama dengan menubuhkan institusi tersebut. Menurut A. Hasyjimy (1983:201) kerajaan Islam Perlak yang merupakan kerajaan Islam awal di alam Melayu, ditubuhkan pada tahun 225 Hijriah atau 840 Masehi telahpun mendirikan beberapa instusi pendidikan. Salah satunya ialah Dayah Cot Kala, di mana para ulama dari tanah Arab, Parsi dan Gujarat diminta mengajar diinstitusi ini bagi mengembangkan Islam di seluruh Aceh.

Pattani yang merupakan sebuah daerah Selatan Thailand juga merupakan tempat penting yang menyemarakkan kemunculan pondok-pondok di Tanah Melayu. Menurut sejarah, dikatakan pondok tertua di Pattani ialah pondok Sena, diasaskan oleh ulama yang bernama Wan Musa ataua faqih wan Musa al-Laqini, diikuti penubuhan pondok Teluk Manak oleh Lebai Wan Hussein 9Paitoon, 2001: 74). Menurut Wan Kamil Mujani (2001: 8) pondok terawal yang ditubuhkan di Pattani ialah pondok Telok

Manak, sekitar pertengahan abad ke 16 M iaitu dalam tahun 1532M. Sejak itu, sistem pendidikan pondok menjadi pusat pengajian masyarakat Islam di Pattani dan telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulama yang masyhur. Pondok mencapai zaman kegemilangannya pada abad ke 19 M. Tokoh-tokoh ulama yang dilahirkan melalui sistem ini begitu masyhur sehingga karya-karya mereka masih digunapakai dalam sistem pengajian pondok sekarang. Umpamanya, pada abad ke 19M, lahir nama-nama ulama besar seperti Syeikh Daud al-Fatani (1769-1847M), Syeikh Nik Dir al-Fatani (1829-1898M), Syeikh zainul abidin al-Fatani (1820-1913M), Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908M) dan lain-lain (Ahmad Fathi, 2001: 26).

#### **4. Latar Belakang Karakteristik Ulama Tanah Melayu abad ke 19 Masehi dan Abad ke 20**

Harus diingat, pada abad ke 19 Masehi, Haramayn menjadi pusat pembentukan tokoh-tokoh ulama tradisional Alam Melayu dan pemikiran Haramayn ini merupakan pemangkin pola pemikiran ulama dan masyarakat Islam di Tanah Melayu pada ketika itu. Para ulama yang pulang ke tanah air khususnya di Alam Melayu mengadaptasi sistem pendidikan umum Haramayn menurut pola pemikiran Syariat dan Tasawwuf Sunni aliran al-Ghazali dan pendekatan pengajian akidah Asya'irah dan Maturidiyyah. Sistem sosial, pendidikan dan amalan keagamaan berteraskan keupayaan seorang guru pondok adalah bersifat seragam dalam kalangan semua para guru pondok.

Bagaimanapun, apabila berlaku peralihan kecenderungan baru dalam pengajian tradisi keilmuan Islam dari Haramayn ke al-Azhar, Mesir pada awal abad ke 20 dan al-Azhar mula menjadi pusat baru dalam mengeluarkan tokoh-tokoh ulama akhir abad ke 20 di Tanah Melayu termasuk di Alam Melayu yang lain kararakteristik ulama mula berubah.

Menjelang abad ke 20 Masehi, suasana karakteristik ulamanya menjadi semakin pelbagai dan meluas tabiatnya berbanding ulama abad ke 19 Masehi. Justeru itu amat mudah melihat perbezaan antara karakteristik ulama abad ke 19 dengan ulama akhir abad ke 20. Misalannya, pemikiran ulama abad ke 19 Masehi berorientasikan pemikiran Haramayn dan penglibatan tugas yang tertumpu pada pengajian pondok dan madrasah. Kemudian sebahagian kecil daripadanya menjawat jawatan tertentu dalam menjaga hal ehwal agama Islam negeri. Namun menjelang akhir abad ke 20, ulama bukan sahaja masih meneruskan tradisi keilmuan tradisional pondok, madrasah dan bertugas di jabatan-jabatan agama Islam negeri, malah sudah berada di dalam pelbagai institusi yang lain. Misalannya, dalam institusi pentadbiran dan kemajuan Islam di peringkat persekutuan, pertubuhan-pertubuhan sosial dan politik serta di institusi pengajian tinggi.

Lebih jauh lagi, para ulama akhir abad ke 20 ini sebilangannya sudah dipengaruhi oleh banyak metodologi keilmuan bermula dari tradisi keilmuan Timur Tengah dan Semenanjung India hingga kepada tradisi keilmuan Barat. Pengaruh keilmuan ini menyebabkan mereka menyerap berbagai jalan pemikiran dan kecenderungan intelektual yang akhirnya mereka memmanifestasikan menerusi afiliasi pemikiran mereka dalam aspek agama, pendidikan, ekonomi, sosial dan politik.

Metodologi keilmuan dari pelbagai institusi dan kemudiannya mewujudkan kecenderungan pendekatan yang berbeza, ditokok tambah pula dengan suasana dari persekitaran institusi tempat mereka kembali bertugas. Sebahagian daripada kalangan ulama ini bertugas dalam pelbagai institusi di luar wilayah asal mereka. Keadaan ini menyebabkan peranan yang mereka mainkan tidak lagi boleh dihadkan dalam negeri-negeri, zon-zon dan kawasan-kawasan tertentu sahaja. Sebaliknya, peranan mereka telah menembusi sempadan zon, negeri atau daerah di Malaysia. Perkembangan pada sistem maklumat, prasarana, infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam di Malaysia turut membantu memperluaskan lagi peranan para ulama ke serata pelosok negara. Kerana itulah,

sejumlah tokoh-tokoh ulama Semenanjung Malaysia telah menjadi ulama yang lebih luas peranan dan karakteristik mereka. Mengingat hal kepelbagaian kecenderungan, latar belakang pendidikan dan institusi mereka bertugas menyebabkan setiap usaha untuk menyingkap peranan ulama abad ke 20 Masehi bukanlah mudah.

### **5. *Rihlah 'Ilmiyyah* dari Institusi Haramayn (Ulama Tradisional) ke Al-Azhar (Ulama Non-Tradisional)**

Perbincangan mengenai peranan ulama abad ke 19 dan 20 Masehi wajar dimulakan dengan aspek perpindahan institusi pengajian para ulama akhir abad ke 20 daripada institusi Haramayn ke al-Azhar. Perubahan institusi inilah yang kemudiannya telah mencorakkan pola fikir dan karakteristik ulama akhir abad ke 20 Masehi ini. Peralihan *rihlah 'ilmiyyah* ini juga akhirnya menampilkan penguasaan ulama yang berkelulusan selain al-Haramayn terutama al-Azhar dalam pelbagai institusi dan organisasi yang mendominasi pemikiran agama Islam di Malaysia. Ternyata kecenderungan pemikiran tokoh-tokoh ulama akhir abad ke 20 Masehi ini akhirnya membentuk cara dan corak peranan yang mereka mainkan dalam masyarakat Islam. Semua ini tidak mungkin dapat dipisahkan dengan corak pengajian dari tradisi keilmuan masing-masing.

Apabila al-Azhar mula masyhur sebagai pusat pengajian Islam, berlaku semangat "*rihlah 'ilmiyyah*" atau semangat untuk menuntut ilmu di kalangan pelajar Alam Melayu. Ia juga akibat hubungan yang terjadi di Haramayn sendiri apabila ramai daripada guru-guru di sini berasal daripada al-Azhar (Azyumardi, 1999 a: 200). Bagaimanapun, paling penting ialah pembaharuan 'Abduh ke atas al-Azhar yang menarik minat pelajar ke arah terjadinya *rihlah 'ilmiyyah* ini. Usaha pembaharuan oleh 'Abduh terhadap Al-Azhar telah dapat membentuk suatu "sintesis baru" (Azyumardi, 1994: 109) dalam pemikiran ulama di al-Azhar sendiri. Bentuk pengajaran yang statik melalui kaedah hafalan dan ulangan sejak sekian lama di al-Azhar telah diubah oleh 'Abduh. Keadaan ini bermula dengan pembentukan Majlis Mesyuarat al-Azhar pada tahun 1895. Majlis tersebut kemudian bertanggungjawab membuat pembaharuan akademik dan pentadbiran al-Azhar. Pembaharuan berlaku bukan sahaja peningkatan suasana tempat kerja, disiplin pelajar, sistem kewangan dan perpustakaan, malah dari sudut kurikulum dan pendekatan baru dalam buku teks al-Azhar (Ahmad Shahbari, 1988: 57) Pembaharuan pentadbiran dan akademik al-Azhar ini kemudian diperkukuh pula dengan kecenderungan politik Pan-Islam (Roff, 1970: 74; Deliar Noer, 1982: 38-46; Abaza, 1993: 4; Azyumardi, 1999 a: 200 ). Pembaharuan pengajian Islam di al-Azhar kemudiannya berkembang ke pusat-pusat pengajian Islam yang lain negara-negara Islam yang lain.

### **6. Peranan Ulama Akhir Abad ke 20 Masehi**

Meskipun pada akhir abad ke20 ini, ulama non-tradisional atau bukan ulama pondok ini lebih tertonjol dalam aspek membangunkan kefahaman agama, pendidikan dan politik masyarakat Islam. Namun demikian masih terdapat ulama tradisional yang tetap memainkan peranan mereka masing-masing dalam membangunkan masyarakat Islam. Peranan utama para ulama pada abad ini adalah melibatkan beberapa aspek tertentu, antaranya ialah:-

#### **a. Pemikiran Syariat**

Ulama pada abad ini masih meneruskan pendekatan ulama abad ke 19 iaitu melalui pemantapan pemikiran syariat. Penekanan kepada kitab-kitab fikah tauhid mengikut pengajian sifat dua puluh, hadith dan tafsir adalah berorientasikan Syariat Sunni bermazhab Syafi'e. Penggunaan kitab-kitab klasik fikah karya Syeikh Daud 'Abd Allah al-Fatani, seperti *Furu' al-Masa'il* dan *Bughyat al-Tullab*, karya Syeikh Muhammad b. Ismail b. Muhammad Zayn al-Fatani seperti *Matla' al-Badrayn*, masih

digunakan. Demikian juga pendekatan pengajian akidah/usuluddin menggunakan kitab pengajian “sifat dua puluh”.

Walau bagaimanapun, penggunaan kitab-kitab klasik sebagai teks rasmi hanya digunakan oleh ulama tradisional di institusi pengajian pondok sahaja. Ini bermakna tiada tradisi menadah kitab-kitab jawi Melayu di madrasah-madrasah. Misalannya, Madrasah Nurul Islam, meskipun diasaskan oleh Abu Bakar Hanafiyah, tokoh ulama pondok namun kurikulum madrasah tidak menggunakan teks kitab tradisional sebagai teks rasmi. Demikian juga dengan Yahaya Junid yang mengasaskan Madrasah Taufiqiyah di Kedah dan Tajuddin b. Abdul Rahman, mudir Madrasah Nahdah al-Hasanah. Kedua-duanya tidak menetapkan kitab klasik Melayu sebagai teks rasmi di madrasah. Hingga akhir tahun 1990an hanya terdapat sekurang-kurangnya empat orang ulama tradisi Haramayn Kedah yang masih menggunakan kitab-kitab jawi Melayu sebagai teks kitab di pusat pengajian mereka. Antaranya ialah Zakaria bin Mohd. Saman di pondok Alor Janggus, Hasyim Bakar di pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, Tok Ayah Chik di Kodiang dan Haji Salleh Merbuk. Dapat disimpulkan bahawa peranan ulama tradisional dalam mempertahankan pemikiran syariat ulama tradisional abad ke 19 semakin berkurangan. Akhir abad ke 20 masehi, ulama semakin aktif menggabungkan corak pemikiran syariat dari pelbagai metod baru iaitu dengan menggabungkan pemikiran syariat dari pelbagai aliran mazhab. Pendekatan syariat tanpa terikat dengan mazhab ini muncul subur dan diterima di beberapa negeri seperti di Perlis, Pulau Pinang dan Selangor.

#### b. Pemikiran Tasawuf

Ulama akhir abad ke 20 masih mempunyai hubungan pemikiran kesufian antara ulama abad ini dengan ulama sebelum abad tersebut. Oleh itu, tidak sukar menemukan persamaan antara pemikiran tasawuf ulama akhir abad ke 20 dengan pembawaan pemikiran tasawuf ulama abad ke 19. Kedua-duanya menekankan pengajian tasawuf dan syariat yang lebih ringkas dinamakan sebagai “neo-sufisme” aliran al-Ghazali. Seperti juga dalam pemikiran syariat, hanya beberapa orang ulama tradisional yang meneruskan pengamalan tarekat di samping menghasilkan karya-karya tasawuf. Antaranya, Abu Bakar Hanafiyah (1908-1998) yang mengamalkan Tarekat Idrisiyyah (wawancara: Adnan Ghazali, 8 Mei 2000) dan menghasilkan kitab *Risalat al-Nur* (t.t) dan *Tadhkirat al-Nasyi'in* (t.t) khusus dalam membicarakan persoalan tasawuf. Demikian juga dengan Hasyim Bakar, tuan guru Pondok Pasir Tumbuh mengamalkan Tarekat Naqsyabandiyah dan Zakaria Mohd. Saman, tuan guru Pondok di Alor Janggus, Kedah yang mengamalkan Tarekat Idrisiyyah (wawancara: Hasyim Bakar, 20 September 1999; Zakaria Mohd. Saman, 8 April 1999). Namun, keterbukaan terhadap pelbagai aliran pemikiran agama menyebabkan menjelang pertengahan abad ke 20 Masehi, perbincangan tasawuf semakin dikurangkan malah ada yang membuat kecaman terhadap konsep tasawuf yang dipraktikkan ulama sebelum ini. Pegangan aliran Ibn Taimiyyah menjadikan faham tasawuf hanya dikonsepskan atas nama etika dan akhlak semata-mata.

#### c. Sahsiah dan Amalan Beragama

Gelaran tok guru masih menjadi lambang kedudukan sosial mereka yang cukup tinggi di kalangan masyarakat setempat. Gelaran itu sendiri mentafsirkan maksud tersirat mereka sebagai ulama yang masih mempunyai ketokohan, keilmuan dan karisma kepimpinan. Justeru, ulama pada abad ini masih lagi mengekalkan identiti dan corak ulama tradisional abad ke 19 Masehi. Kehidupan ulama abad ke 19 M yang dikaitkan dengan sifat wara', zuhud dan mementingkan akhirat diwarisi dan diteruskan oleh ulama tradisional abad ke 20. Hal ini termasuklah, amalan-amalan berzikir dengan metode tertentu dan amalan berpuasa sunat (wawancara: Hasyim Bakar, 20 September 1999). Corak kehidupan di Haramayn yang pernah dilalui mereka turut membentuk cara hidup dan karakteristik seperti yang penulis sebutkan di atas. Cara hidup di Makkah yang berorientasikan

kehidupan beribadat, sistem pengajian kitab dari “kulit-ke kulit” dan masyarakat Haramayn yang homogen (homogenous) khususnya mengenai budaya pemakaian tradisi Arab dan ia merupakan antara faktor mengapa ulama tradisional terus beramal dengan cara sedemikian. Abad ke 20 Masehi mula mencorakkan pendekatan baru terhadap amalan beragama. Pakaian berorientasikan ala barat mula diterima. Misalnya, pakaian baju dan bebrseluar, bertali leher dan berkod serta tidak mengenakan serban dianggap bukan lagi pakaian anti Islam. Para ulama juga turut memakai pakaian tersebut. Keadaan ini sedikit sebanyak membawa pertembungan pemikiran dalam kalangan ulama dalam memberikan tafsiran amalan beragama mengikut Islam.

#### d. Pendidikan

Perkembangan pengajian pada akhir abad ke 20 di Tanah Melayu menyebabkan kebanyakan tokoh ulama tradisional 1980an dan 1990an terpaksa menukar sistem “*umumi*” kepada sistem “*nizami*” atau sekurang-kurangnya menubuhkan kedua-dua sistem pengajian tersebut secara serentak. Jika diperhatikan bahawa punca kepada terjadinya peralihan pengajian pondok ke madrasah adalah kerana terputus beberapa unsur kesinambungan antara pengajian pondok dengan tradisi-tradisi pengajian yang sebelum itu berpusat di Haramayn. Haramayn, pada zaman kegemilangannya sebelum abad ke 20 M merupakan “bekas pelebur” (*melting pot*) yang mengadunikan pelbagai tradisi keilmuan Islam dari India, Mesir dan Afrika Utara untuk membentuk suatu tradisi keilmuan yang gemilang (Azyumardi, 1994:108). Walau bagaimanapun apabila Haramayn sudah tidak lagi bertahan sebagai “bekas pelebur” tradisi keilmuan Islam ini, maka institusi keilmuan di luar Haramayn yang bersambungan dengannya turut menerima kesan kemerosotan. Sejak itu, muncul pendekatan baru yang menekankan pengajian secara nizami. Ulama mula masuk ke dalam pelbagai institusi secara rasmi dan tidak rasmi setelah melalui proses pengajian secara nizami ini.

#### e. Politik

Ulama merupakan pemimpin agama yang sudah lama berperanan dalam masyarakat Islam di Tanah Melayu. Ibrahim Bakar menyebutkan bahawa ulama tradisional awal abad ke 20 Masehi adalah pemimpin agama yang sering kali menyokong raja-raja Melayu dan pembesar-pembesar negeri di samping mempertahankan sistem pengajian Islam tradisional (Ibrahim, 1994: 13). Von der Mehden pula menyifatkan mereka sebagai golongan yang mengamalkan sintesis Islam dan semangat kebangsaan Melayu di samping mahu mengekalkan cara hidup tradisional. Mereka juga dikatakan cenderung ke arah bersikap curiga terhadap pengaruh luar dan asing menyentuh mengenai Islam (Von der Mehden, 1987, 185). Dari sudut agama, merupakan golongan yang memegang teguh kepada akidah ahli Sunnah menurut pemikiran al-Ash’ari dan al-Maturidi dan mengikut aliran Syafi’i dalam mazhab *fiqh* (Shafie, 1990: 45).

Memanglah kepimpinan ulama tradisional lebih banyak dikaitkan dengan masyarakat tempatan meliputi pelbagai sudut termasuk hubungan sosial, pendidikan, politik dan kadangkala ekonomi (Lik Arifin, 1990: 335). Sebab itu, ulama tradisional masih merupakan golongan yang sangat rapat dengan masyarakat Islam tempatan. Dengan pegangan tradisional ini mereka tampil bersama simbol-simbol dan “aura ulama yang karismatik di tengah lautan umat yang sangat mengharapkan tokoh-tokoh pemimpin keagamaan seperti itu” (Azyumardi, 1999a:208) . Oleh kerana itu, penglibatan ulama tradisional dalam apa juga aspek termasuk aspek politik turut menarik sokongan masyarakat setempat untuk mengangkat ulama tradisional sebagai pemimpin mereka. Misalannya, Che Hussain Che Dol seorang ulama tradisional Kedah pernah dilantik pengerusi Kesatuan Melayu Kedah (KMK) iaitu sebuah pertubuhan yang ditubuhkan untuk memperjuangkan hak orang Melayu dan terbabit



dalam perarakan menentang Malayan Union di Padang Court, Alor Setar pada tahun 1946. Beliau pernah menjadi EXCO negeri Kedah (1955-1959) (Fisol, 1978: 53-54).

Walau bagaimanapun, menjelang akhir abad ke 20 Masehi, penglibatan ulama dalam pelbagai aktiviti politik mula menginjak jauh dan diterima sebagai pemimpin utama politik. Mereka terlibat dalam pelbagai parti politik sesuai dengan amalan demokrasi yang diperkenalkan selepas merdeka. Parti-parti seperti Parti Islam seMalaysia (PAS), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan parti-parti kecil yang lain merupakan platform aktiviti dan gerakan politik masing-masing.

## **7. Kesenambungan Pemikiran Syariat dan Tasawwuf**

Penekanan kepada pengajian fikah, usuluddin, hadith dan tafsir dengan memberikan tumpuan kepada pemikiran Syariat Sunni mazhab Syafi'e masih diteruskan. Pemikiran sunni aliran akidah al-'Ash'ari dan al-Maturidi yang disebarkan oleh ulama seperti Abu Bakar al-Qaffal (m. 365H) Abu Ishaq al-Isfara'yini (m. 411 H), Hafiz al-Baihaqi, (m. 458 H) al-Juwaini, (Imam al-Haramayn) (m.460) al-Qusyairi, (m. 465 H) al-Baqillani, (m. 403 H) al-Ghazali, (m. 505 H) Fakhr al-Razi, (m. 606 H) 'Izzu al-Din ibn 'Abd al-Salam (m. 606 H) dan pada masa kemudian didokong oleh al-Sanusī (m. 895H) al-Syarqawi (m. 1227 H), al-Baijuri (m. 1272 H), al-Dasuqi (m. 1320 H), al-Nawawi (m. 1315), dan di Asia tenggara oleh Zayn al-Abidin al-Fatani adalah berjasa besar ('Uthman el-Muhammady, 1996: 20-24).

Demikian juga dengan aliran mazhab *fiqh al-Shafi'iyyah* masih diteruskan kerana telah berjaya membentuk pemikiran harmoni masyarakat Islam di daerah Alam Melayu sehingga amalan-amalan agama dapat dilaksanakan dengan aman. Tidak wujud pergeseran dan konflik pemikiran dan mazhab yang kritikal yang telah berakhir dengan persengketaan dan pergaduhan agama di daerah-daerah ini.

Selain itu, kaedah pengajian berbentuk telaah kitab-kitab jawi klasik sebagai teks rasmi seperti amalan ulama tradisional di institusi pengajian pondok masih diteruskan. Meskipun tradisi menadah kitab kian berkurang malah tiada lagi tradisi menadah kitab-kitab jawi Melayu di madrasah-madrasah, namun inspirasi kegunaan kitab-kitab jawi ini masih dihidupkan. Namun, amalan menadah kitab hanya dipraktikkan oleh segelintir ulama-ulama untuk pengajian mereka di surau-surau dan masjid-masjid sahaja. Cara menadah kitab dipercayai akan dapat mendekatkan masyarakat Islam mengenai ilmu-ilmu agama mengikut metodologi, *manhaj* dan hierarki pengajian yang betul mengikut aliran pemikiran sunni dan berorientasi mazhab syafi'e.

Damping itu, harus diingatkan ulama abad ini sudah ada yang mengamalkan pegangan agama tanpa terikat dengan mazhab tertentu seperti di Perlis. Pegangan fahaman agama di Perlis, misalnya agak berbeza dengan negeri-negeri yang lain, iaitu tidak terikat dengan amalan mazhab tertentu. Usaha ini akhirnya dapat memantapkan kefahaman agama masyarakat dalam acuan budaya tempatan negeri tersebut malah mudah di rujuk dan dibincangkan.

## **8. Ke Arah Perubahan dalam pemikiran Ulama**

Perubahan sosial yang paling ketara berlaku di abad ke 21 ialah pada ledakan maklumat melalui kegunaan siber. Maklumat melalui teknologi siber bakal menggantikan sistem tradisional seperti penulisan buku-buku. Keadaan ini turut melibatkan para ulama bagi melalui teknologi maklumat ini. Usaha menguasai teknologi ini sudah menjadi suatu kemestian di kalangan masyarakat. Sudah tentu ulama juga mesti menguasai ilmu yang sama dalam teknologi terkini. Malah usaha menghidupkan pemikiran syariat ulama melalui teknologi ini juga adalah suatu kemestian. Pengajian syariat melalui

alam siber semakin diperlukan. Setiap individu ulama sudah wajar menggunakan alam siber sebagai suatu cara berinteraksi dengan masyarakat.

Selain itu, institusi yang dikaitkan dengan ulama juga mesti peka dengan kegunaan teknologi ini. Malah institusi tersebut juga mesti bertanggungjawab memantapkan penyebaran ilmu melalui kegunaan teknologi ini. Malah, ulama secara kolektif perlu mewujudkan laman siber sebaik mungkin bagi mendekati masyarakat dengan mereka. Banyak isu-isu pemikiran syariat yang dapat dibincangkan sesama ulama dan kemudian dapat disampaikan kepada masyarakat melalui penubuhan laman-laman siber tertentu. Badan-badan tertentu yang mahir dengan ilmu teknologi maklumat wajar bekerjasama dengan golongan ulama untuk melebarkan jaringan ilmu agama. Malah, kitab-kitab tradisional boleh sebarkan dengan penggunaan bahasa Melayu moden agar ianya tetap dapat dihayati oleh generasi abad ke 21.

## 9. Kesimpulan

Ulama telah membuktikan peranan mereka sebagai pembawa perubahan umat Islam. Sejarah memaparkan peranan mereka dalam pelbagai bidang terutama aspek pendidikan Islam. Kini, ke arah mewujudkan ulama yang berwibawa, sistem pendidikan Islam di peringkat pengajian tinggi wajar ditumpukan ke arah sistem yang lebih bersifat “*substantial*” dari segi kepentingan ilmu atau kurikulum. Dalam kata lain, integrasi atau Islamisasi ilmu mesti dijadikan agenda utama dalam segenap kurikulum pengajian Islam. Integrasi bersepadu di antara komponen ‘*aqliyah* dan ‘*naqliyah* ini diharap akan menghasilkan kemanfaatan maklumat dan ilmu kepada ulama dan masyarakat Islam sendiri. Ini penting supaya ulama boleh menjadi sebagai “...golongan yang tidak terpercail dalam batas peranan konvensional semata tetapi dapat menangani kemelut sistem yang serba-serbi mula kompleks ini” (T. Azzaman, 1997: 7).

## Rujukan

- A.Hasjmy .(1981). *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Jakarta: al-Ma’arif.
- Abdullah Ishak .(1995) *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Kader Sa-Ah(2011). *Perkembangan Bahasa Arab Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Selatan Thailand Pada Abad Ke-19 Dan Ke-20*. Tesis PhD. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Fathy al-Fatani .(1996). “Pak Da Ail Patani (1882-1965)”, dalam *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)* (Selenggara: Ismail Che Daud). Kota Bharu : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ahmad Shahbari Salamon. (1988). *Azhar and Politics*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1986). *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al- Din al-Raniri*. Kuala Lumpur: Ministry of Culture.
- Al-Zubaidi, Muhammad ibn Muhammad al-Husaini (1989). *Ithaf al-Sadat al-Muttaqin bi Syarh Ihya’ al-’Ulum al-Din*, Juz : 8. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- AzyumardiAzra (1994). *Jaringan Ulama, Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung : Penerbit Mizan.

AzyumardiAzra (1999a). *Islam Reformis, Dinamika Intelektual dan Gerakan*. Jakarta : PT Raja Grafindo Persada.

El-Muhammady, Uthman (1997). Masa Depan Institusi Pondok dalam menghadapi cabaran liberalisasi. Dalam *Kongres Kebangsaan Dinamisme Ulama Menghadapi Abad Baharu*. 25-27 Julai 1997. Kuala Lumpur.

Ibrahim Abu Bakar .(1994). *Islamic Modernism in Malaya. The Life and Thought of Sayyid Syeikh al-Hadi 1867- 1934*. Kuala Lumpur. University of Malaya Press.

Lik Arifin Mansurnoor (1990). *Islam in An Indonesian World : Ulama of Madura*. Jakarta : Gadjja Mada University Press.

M. Hasbi Aminuddin. (1994). The Response of the Ulama Dayah to the Modernization of Islamic Law in Aceh. *PhD Thesis*. Canada: McGill University Montreal.

Mohammad Ali (1981). *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mujiburrahman. (2010). Pendidikan Berasaskan Syariat Islam: Kajian Pelaksanaan Syariat Islam dan Kesannya Terhadap Pendidikan Pondok di Aceh. *Tesis Doktor Falsafah*. Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia.

Nagata, Judith (1984). *The Reflowering of Malaysia Islam, Modern Religious Redicals and their Roots*. Vancouver : University of British Press.

Salma Ishak & Fuziah Shaffie (1998). *Pondok Sebagai Satu Pilihan Tempat Tinggal di Kalangan Orang Tua*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Shafie Abu Bakar.(1990). *Hikam Melayu*. Kajian Falsafah dan Etika. *Thesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shukri Ahmad. (2011). *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Steenbrink, Karel A,. (1994). *Pesantren Madrasah Sekolah: Pendidikan Islam dalam Kurun Modern*. Jakarta: LP3ES.

Von der Mehden, F. (1987). *Malaysia- A Political Survey. Dalam Malaysia: Past, Present and Society*. Kuala Lumpur: ISIS